

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : -

SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan senarai projek-projek penjanaan elektrik daripada kuasa angin, kuasa solar, kuasa geothermal dan kuasa tidal yang dikendalikan oleh Tenaga Nasional Berhad.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Senarai projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang telah dan masih dalam pelaksanaan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah seperti berikut:

No.	Projek	Kapasiti
Stesen Solar Hibrid (Solar PV- Bateri- janakuasa diesel)		
1.	Stesen Solar Hibrid di Pulau Mersing	85 kW
2.	Stesen Solar Hibrid di Pulau Kapas, Terengganu	100 kW
3.	Stesen Janakuasa Solar/ Angin/ Diesel Hibrid di Pulau Perhentian, Terengganu	300 kW
4.	Stesen Solar Hibrid Perkampungan Orang Asli Di Johor, Kelantan, Perak & Pahang	186 kW
5.	Stesen Solar Hibrid di Perkampungan Kawasan Pedalaman di Sabah	105 kW
6.	Stesen Solar Hibrid di Pulau Banggi, Sabah	200 kW
7.	Stesen Solar Hibrid di Kalabakan, Sabah	250 kW
8.	Stesen Solar Hibrid di Pos Kemar, Gerik, Perak	850 kW
9.	Stesen Solar Hibrid/ sambungan grid/diesel genset di sekolah kawasan pedalaman di Johor, Pahang, Perak & Kelantan	655 kW
10.	Kajian perintis berkenaan teknologi Solar PV terapung (floating solar farm) di Labu, Negeri Sembilan oleh TNB Research Sdn. Bhd .	110 kW
Mini Hidro		
11.	Stesen-stesen Mini Hidro di Rompin dan Bentong, Pahang	1,934kW
12.	Stesen-stesen Mini Hidro di Tg.Malim, Tapah dan Kuala Kangsar, Perak	2,232 kW
13.	Stesen-stesen Mini Hidro di Baling dan Kulim, Kedah	1,387 kW
14.	Stesen-stesen Mini Hidro di Kuala Krai dan Jeli, Kelantan	2,412 kW
15.	Stesen-stesen Mini Hidro di Terengganu	844 kW

Biojisim dan Biogas		
16.	Projek biogas melalui usaha sama di antara TNB dengan Sime Darby Plantations di <i>Remington Estate</i>	2,000 kW
17.	Projek biogas di Hadapan <i>Estate</i> , Layang-layang, Johor	2,000 kW
18.	Projek biojisim melalui usaha sama di antara TNB dengan Felda Palm Industries Sdn. Bhd. di Jengka, Pahang	10,000 kW
19.	Projek perintis usahasama antara UNITEN, TNB dengan Indahwater Konsortium menggunakan kuasa Biogas melalui <i>Sewage Treatment Plant (STP)</i> di Pantai, Bangsar	330 kW

2. TNB masih belum membangunkan projek-projek yang menggunakan sumber kuasa angin dan geothermal secara komersial. Buat masa ini, TNB telah membangunkan kincir angin (*wind turbine*) di beberapa pulau sebagai projek kajian manakala bagi sumber geothermal, TNB belum lagi meneroka sumber TBB ini kerana pembangunan projek-projek ini memerlukan kajian, data dan penelitian yang lebih terperinci bagi menilai kebolehlaksanaan projek daripada segi teknikal dan komersial.
